



**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATUK SERI ADNAN BIN HJ. MD IKSHAN  
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN WILAYAH**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN BERSAMA KSU BIL.3/2018  
9 NOVEMBER 2018 (JUMAAT), JAM 8.00 PAGI**

**1. PENDAHULUAN**

- Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan kurniaNya juga, kita dapat bersama-sama berkumpul pada hari ini sempena Majlis Perhimpunan Bulanan Bersama Warga Kementerian Wilayah kali ketiga pada tahun 2018 ini.
- Dalam tempoh lima bulan pentadbiran baharu negara mengambil alih tampok kepimpinan, pelbagai usaha ke arah penambah baikan serta pemulihan ekonomi negara giat dilaksanakan.
- Selain terdapat pembaharuan di dalam pentadbiran kabinet Malaysia, perkhidmatan awam juga kini mendapat sentuhan daripada kepimpinan yang baharu. 3 jawatan utama kerajaan telah diterajui oleh orang baharu.
- Pada 13 Julai, Datuk Seri Borhan Dolah dilantik sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam yang baharu.
- Pada 28 Ogos pula, YBhg. Datuk Seri Dr. Ismail Bakar telah dilantik menjadi Ketua Setiausaha Negara yang baharu.

- YBhg. Datuk Ahmad Badri Bin Mohd Zahir, pula dilantik menjadi Ketua Setiausaha Perbendaharaan yang baharu berkuatkuasa 12 September yang lalu.

## **ASPIRASI MALAYSIA BAHARU : AMANAT KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

- Saya ingin memetik kata-kata KSN dengan mengingatkan semua warga Kementerian iaitu “ketika semua rakyat melangkah ke era Malaysia Baharu, perkhidmatan awam juga harus tekad untuk maju sederap dalam memberi khidmat terbaik kepada nusa dan bangsa”.
- Oleh itu, prinsip bersih, cekap dan amanah perlu kembali ditekankan dalam melaksanakan tugas sebagai penjawat awam. Prinsip-prinsip inilah yang akan mengekang kita dari terlibat dengan apa jua salah laku dalam pengurusan di pejabat.
- Kita harus memulihkan kembali imej penjawat awam yang sedikit tercalar akibat terkait dengan isu integriti dan tadbir urus dalam kalangan penjawat awam. Sebagai tulang belakang negara, kita harus bertindak untuk terus memperingkatkan kecekapan, akauntabiliti, integriti, tadbir urus, ketelusan dan etika dalam pelaksanaan tugas.
- Saya berharap semua warga Kementerian telah *alert* dengan pertukaran frasa "saya yang menurut perintah" yang digunakan dalam surat rasmi Kerajaan digantikan dengan frasa "saya yang menjalankan amanah". Arahan ini telah berkuatkuasa mulai 20 September 2018 sebagaimana surat yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Datuk Seri Borhan Dolah.
- Langkah ini diambil sejajar dengan hasrat Kerajaan supaya setiap penjawat awam dapat menghayati bahawa setiap

perintah, tugasan dan tanggungjawab merupakan satu amanah yang perlu dilaksanakan dengan sebaiknya.

- Dalam konteks ini, amanah bermaksud rela dan berusaha melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dalam batas kuasa yang ditentukan dengan penuh gigih dan ikhlas bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Mempunyai sifat luhur dan murni, jujur kepada diri sendiri, rakan dan organisasi.
- Oleh itu, sifat amanah merupakan nilai asas yang perlu ada pada setiap penjawat awam dalam menjalankan tugas agar setiap kerja atau perkhidmatan yang dihasilkan bermutu tinggi.

#### • **HALA TUJU KEMENTERIAN WILAYAH DAN HARAPAN KSU**

- Dalam tempoh lima bulan di bawah pentadbiran YB Tuan Haji Khalid bin Abd Samad sebagai Menteri Wilayah Persekutuan, Kementerian amat beruntung kerana di bawah pentadbiran beliau, pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kementerian masih diteruskan dan selari dengan matlamat beliau untuk meningkatkan kesejahteraan warga wilayah persekutuan.
- Antara program/produk/perkhidmatan yang telah diteruskan oleh Kementerian ini sememangnya mempunyai impak yang tinggi serta merupakan *Wow Factors* kepada rakyat.
- Baru-baru ini kementerian kita telah menjadi tumpuan daripada pelbagai pihak terutamanya warganet (netizen) di media sosial. Pelbagai kecaman dan tidak kurang juga sokongan daripada rakyat disuarakan melalui pelbagai medium apabila kita mengumumkan mengenai penguatkuasaan terhadap penggunaan straw plastik di wilayah persekutuan. Terima kasihlah kepada mereka yang memberi publisiti secara percuma kepada kementerian kita!

- Kita semua tahu akan kesan penggunaan plastik ini terhadap kesihatan dan juga alam sekitar. Tetapi kenapa masih mahu hidup dalam “*denial*”. Kenapa usaha murni yang dilaksanakan oleh kerajaan ini sengaja disensasikan atas kepentingan diri sendiri?
- Walau apa pun yang diperkatakan oleh rakyat, usaha untuk pelaksanaan penggunaan produk biodegradasi ini akan diteruskan di wilayah persekutuan. Oleh itu, saya amat berharap agar semua warga kementerian untuk menjadi duta kecil dalam penyampaian maklumat yang tepat, benar dan sahih kepada semua orang. Dan kita sendiri perlu mulakan dan menjadi contoh kepada kementerian yang lain dalam usaha menggunakan produk biodegradasi dan bukannya plastik.
- Selain itu, program RUMAWIP juga diteruskan dan ditambah baik ciri-cirinya. Keluasan rumawip juga ditambah dari minimum 800 kaki persegi kepada 900 kaki persegi. Oleh itu, mana-mana warga kementerian dan agensi yang belum membeli rumah, program ini memberikan tawaran yang menarik kepada anda. Jadi hebahkan kepada rakan-rakan yang lain untuk membeli RUMAWIP ini.
- Program seperti pusat transit gelandangan, projek *River of Life*, program *food truck*, program memperkasakan ekonomi bumiputera (MEB) dan banyak lagi projek berimpak tinggi lain akan diberi nafas baharu serta publisiti yang lebih meluas untuk pengetahuan rakyat.
- Walaupun begitu, saya amat berharap apabila melaksanakan program atau inisiatif kepada para peniaga di wilayah persekutuan, kita perlu sedikit-sedikit menyuntik doktrin pada mereka agar tidak berterusan mengharap subsidi, insentif atau sebarang bentuk budaya “pimpin tangan” oleh kerajaan untuk diberikan. Sebaliknya kerajaan

hanya menyediakan platform selebihnya ditolak ke atas melalui daya usaha sendiri. Para peniaga atau rakyat perlu juga meletakkan usaha mereka untuk mendapatkan kejayaan yang diingini. Tetapi sebagai pihak kerajaan kita perlu mainkan peranan terlebih dahulu sebagai pendokong dalam memudahkan urusan rakyat.

- Harapan saya agar semua inisiatif yang telah direncanakan dan dilaksanakan oleh Kementerian dalam membantu warga Wilayah Persekutuan mengurangkan kos sara hidup, mewujudkan persekitaran kondusif, mengekalkan keharmonian dan kestabilan ekonomi negara akan terus menjadi agenda utama agar setiap hasil negara akan dapat dinikmati oleh seluruh rakyat secara sama rata.
- Saya mempunyai keyakinan yang tinggi bahawa Kementerian Wilayah akan mampu menjadi sebuah Kementerian cemerlang sekiranya setiap warganya memberikan sokongan dan khidmat cemerlang yang tidak berbelah bagi kepada organisasi ini serta menjalankan tugas dengan efisyen.

#### • KELESTARIAN SUMBER AIR WILAYAH PERSEKUTUAN

- Secara asasnya keperluan air di masa hadapan dan perancangan ke arah penyelesaian masalah bekalan dan kelestarian sumber adalah amat penting. Perkara utama bagi memastikan kelestarian sumber air pada masa kini dan masa hadapan ialah melalui pengurusan sumber air yang berkesan. Dalam meniti arus pembangunan yang cukup pesat terutamanya dengan pertambahan penduduk, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang merupakan ibu negara Malaysia perlu bersedia dalam menghadapi cabaran dari segi bekalan air yang mencukupi.

- Pada masa ini, industri pembinaan khususnya pembinaan kediaman bertingkat dilihat menunjukkan perkembangan yang sangat cepat. Pembinaan perumahan berketinggian melebihi 35 tingkat akan menjadikan masalah bekalan air semakin meruncing.
- Saya sedar bahawa di negeri-negeri lain, terdapat badan kawal selia air yang ditubuhkan di bawah Kerajaan negeri bagi memantau dan mengawal selia pengurusan sumber air. Walau bagaimanapun di Wilayah Persekutuan tiada badan kawal selia air seumpamanya yang bertanggungjawab bagi memantau pengurusan sumber air.
- Perkara-perkara asas yang perlu dipantau berkaitan pengurusan air di Wilayah Persekutuan termasuk rungutan orang ramai terhadap perkara berkaitan air, kadar air tidak berhasil (*Non-Revenue Water*, atau NRW) yang tinggi, *margin* simpanan air, kecurian bekalan air mentah, pelaporan status penggunaan air adalah penting. Inisiatif untuk meneroka sumber air baru juga seharusnya dijalankan.
- Oleh itu, saya percaya kewujudan satu badan khusus bagi mengawal selia air di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya adalah sangat wajar dan penting bagi memastikan penyampaian perkhidmatan Kerajaan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan dapat dilaksanakan dengan baik demi kelangsungan dan kesejahteraan warga Wilayah Persekutuan.

**• TASK FORCE OPERASI BANTERAS AKTIVITI HARAM (OPS BAH)**

- Pada masa kini, pelaksanaan OPS BAH telah menjangkau siri ke-48 dan tumpuan utama siri ini adalah pusat hiburan yang beroperasi tanpa lesen dan berlesen tetapi melanggar

syarat lesen. Hasil pemerhatian OPS BAH siri 48 mendapati

- - i. Pusat hiburan tanpa lesen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur semakin berani beroperasi menunjukkan rasa tidak hormat kepada undang-undang dan pihak berkuasa tempatan serta agensi penguatkuasaan yang lain.
  - ii. Terdapat juga pusat hiburan berlesen yang sengaja melanggar syarat-syarat lesen dengan beroperasi melebihi had masa yang telah ditetapkan.
  - iii. Hampir 90% pengunjung yang datang ke pusat hiburan selepas jam 3 pagi merupakan pengunjung tempatan termasuk melayu islam.
  - iv. Masalah sosial juga sering berlaku dalam pusat hiburan di mana berlakunya aktiviti penyalahgunaan dadah di kalangan pengunjung, aktiviti pelacuran, perkhidmatan seks dan sebagainya.
  - v. Terdapat juga pusat hiburan yang berselindung di dalam bangunan seperti pasaraya, hotel dan pangsapuri
- Kita dapat lihat, masyarakat dan juga pihak berwajib semakin menunjukkan keperihatian dan menyokong baik usaha pihak Kementerian dalam menangani aktiviti-aktiviti haram. Pada masa akan datang, Kementerian perlu lebih agresif dan lebih menyeluruh dalam melaksanakan operasi ini bagi memastikan Wilayah Persekutuan bebas daripada aktiviti haram yang tidak bermoral yang boleh merosakkan imej negara terutama Kuala Lumpur yang merupakan ibu negara Malaysia.

## 10. PENUTUP

- Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan tahniah kepada skuad atlet kita yang telah beraksi

dengan cemerlang di Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) ke-19 di Perak baru-baru ini dengan mengutip 52 Emas, 38 Perak dan 49 Gangsa. Kita berjaya melepassi sasaran YB Menteri yang menetapkan sekurang-kurangnya 50 pingat emas. Saya amat berbangga dengan kejayaan yang dilakarkan walaupun berada di kedudukan tangga kedua. Saya berharap para atlet kita dapat melakar kejayaan yang lebih cemerlang pada SUKMA di Johor pada tahun 2020.

- Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua atas kehadiran ke perhimpunan pagi pada pagi ini. Semoga kita memperoleh manfaat dan pengetahuan yang sangat berguna melalui perhimpunan pada hari ini. Sebagai penutup saya ingin memetik kata-kata YAB Perdana Menteri semasa Perhimpunan Bulanan beliau bersama warga JPM iaitu

*“Harapan saya adalah saya dapat semaike nilai hidup yang mulia yang akan menjayakan bangsa dan negara kita supaya kita sekali lagi akan dihormati sebagai ‘Harimau Dunia’.”*

- Dengan itu saya menyeru kepada semua warga Kementerian Wilayah, ayuh kita dokong aspirasi ini dan menjadikan Negara Malaysia sebagai Harimau Dunia sekali lagi. Sedikit *contribution* juga pastinya akan menyumbang ke arah kejayaan apatah lagi jika kita benar-benar meletakkan *effort* yang tinggi untuk menjayakannya. Semoga segala usaha murni yang dihasratkan ini menjadi kenyataan dengan keizinan Allah swt juga.
- **Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**